

## KEINDAHAN ALAM DENGAN MEMAKNAI MAKNA POHON DALAM CERPEN PILIHAN SITI ZAINON ISMAIL

**THE BEAUTY OF NATURE BY REFLECTING THE MEANING OF  
TREES IN THE SHORT STORIES OF SITI ZAINON ISMAIL'S CHOICE**

Kasmaizun Enuni Mohd Sarji<sup>1</sup>  
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Malay Language and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,  
(Email: kasmaizunenuni@fbk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(Email: muhammadtalhah.j@utm.my)

### Article history

Received date : 23-5-2025  
Revised date : 24-5-2025  
Accepted date : 18-6-2025  
Published date : 30-6-2025

### To cite this document:

Mohd Sarji, K. E., & Ajmain @ Jima'ain, M. T. (2025). Keindahan alam dengan memaknai makna pohon dalam cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 548 - 559.

**Abstrak:** Alam memberi banyak kegunaan dan fungsinya kepada manusia di muka bumi. Hal ini dilihat apabila manusia itu sendiri merenung alam yang diciptakan oleh Allah SWT dan berfikir untuk dijadikan sebagai satu sumber idea dalam menghasilkan karya yang berguna kepada pembaca. Maka, kajian tentang alam banyak dilihat di dalam puisi Siti Zainon Ismail. Justeru, kajian ini menganalisis cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail untuk melihat makna pohon yang terdapat di dalamnya. Kajian ini berfokus kepada cerpen yang bertajuk Daun Maple Akhir, Seloka Si Tanjung, Pugai, Kampung Paya Kami dan Kasih Kaca Warna. Tiga objektif kajian adalah pertama, menganalisis unsur pohon dalam cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Kedua, menginterpretasi unsur pohon dalam cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Ketiga, merumuskan faktor-faktor yang mempengaruhi pengungkapan unsur pohon dalam cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Metodologi yang digunakan dalam kajian ialah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian menemukan makna pohon sebagai daya tarikan, sahabat, sumber terapi, sumber rezeki, sumber panduan dan pengajaran kepada manusia. Teori Konseptual Kata Kunci digunakan untuk menganalisis unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail yang telah menemukan faktor pengungkapan unsur alam tersebut. Antara faktornya ialah latar belakang keluarga, latar belakang pendidikan, pengalaman dan pengembalaan. Justeru, Siti Zainon Ismail berjaya meletakkan unsur-unsur alam sebagai renungan kepada kehidupan manusia.

**Keywords:** Alam, Pohon, Ciptaan Tuhan

**Abstract:** Nature has given many uses and functions to humans on Earth. This can be seen when man perceives the nature created by Allah SWT and reflects on it as a source of ideas in producing works that are useful to readers. Thus, the study of nature is widely seen in Siti Zainon Ismail's poetic works. This study analyzes Siti Zainon Ismail's short stories to explore meaning of trees found in them. The study focuses on short stories titled Daun Maple Akhir, Seloka Si Tanjung, Pugai, Kampung Paya Kami, and Kasih Kaca Warna. The three objectives

of the study are first, to analyze the elements of the tree in Siti Zainon Ismail's selected short stories. Second, to interpret the elements of the tree in these stories. Third, to summarize the factors that influence the presence of tree elements in the selected short stories. The methodology used in this study is literature review and textual analysis. The results of the study show that the meaning of the tree represents a charm, a friend, a source of therapy, a source of sustenance, guidance, and lessons for humans. Also, the Keyword Conceptual Theory is used to analyze the elements of nature in Siti Zainon Ismail's short story collection. Among the influencing factors are family background, educational background, experience, and adventure. Thus, Siti Zainon Ismail successfully entwines the elements of nature as a reflection on human life.

**Keywords:** Nature, tree, Allah's creation

## Pengenalan

Sebagai Khalifah Allah di muka bumi, manusia diberi tanggungjawab untuk mengelola dan memelihara alam ini. Manusia memiliki peranan dalam menentukan posisi makhluk hidup, baik haiwan mahupun pohon dan pokok, apakah dijaga dan dipelihara, diperkaya, dilestarikan, atau dirosakkan. Dengan akal yang diberikan oleh Allah SWT, manusia diberikan kebebasan untuk memilih yang terbaik bagi kehidupan mereka. Hal ini kerana, pohon atau pokok merupakan satu anugerah Tuhan yang memberikan banyak fungsi dalam kehidupan manusia (Mikdar et al., 2017). Sehubungan itu, ada pohon yang berfungsi sebagai tempat berteduh seperti yang dinyatakan oleh Zaini Ujang (2020) tentang peranan pokok sebagai tempat berteduh, kemudahan awam dan sebahagian sumber makanan kepada masyarakat. Namun begitu, fungsi pohon ini akan berhasil berdasarkan sikap manusia sama ada bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan atau sebaliknya. Hal ini demikian kerana, Allah SWT memberikan akal kepada manusia supaya mampu berfikir dan menggunakan nikmat dengan sebaik-baiknya.

Walaupun kajian tentang karya sastera Siti Zainon Ismail telah banyak memberi fokus kepada tema perjuangan wanita, budaya dan identiti, namun simbolik pohon dalam cerpen-cerpen tertentu, masih kurang diberikan perhatian secara tuntas. Sammio Salleh menyatakan bahawa sesungguhnya keindahan alam turut memberikannya ilham dan inspirasi kepada Siti Zainon dalam menghasilkan karyanya. Pengamatan dan penelitiannya terhadap alam menjadikan beliau semakin akrab dengan alam dan dapat berhubung dengan alam secara batini. Kerana itulah unsur-unsur alam begitu banyak ditemui dalam puisi-puisi ciptaaninya (1997). Oleh hal yang demikian, kajian ini sangat penting untuk bidang sastera dan Islam yang akan membawa nilai Islam, falsafah hidup dan hubungan manusia dengan Tuhan. Dalam konteks Islam, pohon bukan sekadar objek semula jadi, tetapi juga menjadi simbol kehidupan, rezeki, ujian, dan kesyukuran. Namun begitu, aspek ini jarang diteroka secara mendalam dalam sastera moden Melayu.

Banyak kajian tentang alam disentuh oleh penulis-penulis lain. Namun, perbezaannya dapat dilihat dengan ketara. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Rosifah Mat Isa dengan tajuk kajiannya iaitu "Perlambangan Alam Dalam Kumpulan Puisi Pelabuhan Putih Karya Kemala". Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat unsur-unsur alam yang diutarakan oleh Kemala serta melihat maksud di sebalik perlambangan alam yang digunakan dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian tentang alam yang dilakukan oleh Zurinah Hassan dengan tajuk kajiannya iaitu "Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu". Kajian ini dilakukan untuk melihat unsur alam dan unsur dakwah di

dalam puisi Melayu Moden dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu, iaitu Pendekatan Firasat dan Pendekatan Dakwah yang diasaskan oleh Hashim Awang. Kajian yang dilakukan ini banyak menggunakan teori Pengkaedahan Melayu berbanding teori Konseptual Kata Kunci yang memaparkan makna yang tepat tentang pemikiran pengarang terhadap sesuatu isu dalam karyanya. Menerusi kajian ini, dapat dilihat pengutaraan Siti Zainon tentang unsur alam sekali gus memaparkan kekuasaan Allah SWT yang seterusnya akan dirasai oleh khalayak pembaca.

Kehebatan nikmat Allah SWT ini dipandang serius oleh banyak penulis tanah air di dalam cerpen termasuklah Siti Zainon Ismail. Banyak unsur-unsur alam ini dimasukkan ke dalam cerpen beliau. Cerpen merupakan cerita pendek yang boleh dibaca dalam tempoh yang singkat. Cerpen juga bukan cerita rekaan semata-mata tetapi diadunkan dengan fakta yang merupakan pengalaman sebenar pengarang. Hal inilah yang ditunjukkan oleh salah seorang pengarang yang prolifk iaitu Siti Zainon Ismail yang telah banyak menghasilkan cerpen dan kumpulan cerpen.

Siti Zainon Ismail dilahirkan di Kuala Lumpur pada 18 Disember 1949. Beliau merupakan seorang pelukis, penyair, penulis cerpen yang sangat terkenal di Malaysia. Kehebatannya dalam dunia sastera menjadikan beliau diangkat sebagai penerima SEA Write Award pada tahun 1989 dan diangkat menjadi Sasterawan Negara ke-14 pada tahun 2019. Beliau banyak menghasilkan karya kreatif terutama cerpen iaitu *Kampung Paya Kami*, *Seri Padma* dan sebagainya. Justeru, kajian ini akan mencungkil unsur pohon yang telah diterapkan dalam cerpen beliau yang akan dikaji dan diteliti menerusi tiga buah kumpulan cerpen seperti jadual yang berikut:

Bil.	Kumpulan Cerpen	Cerpen	Jumlah Cerpen	Penerbit	Tahun Terbit	Halaman
1.	<i>Jurai Palma</i>	1) Restu Kuala 2) Syah Kubandi 3) Dering Aidilfitri 4) Atika, Sahabat Kami 5) Intan Kirana 6) Rimbun Jenjarum 7) Daun Mapel Akhir 8) Kampung Paya Kami 9) Jurai Palma 10) Nyanyian Orang Laut 11) Bukit Jingga Sakti 12) Oikos Ledang 13) Meena Pelangi? 14) Kasih Kaca Warna 15) Gerimis dan Sekaki Payung 16) Cinta Lembah Damai 17) Dia Tidak ke Gunung 18) Perjanjian Laut Banda	18	Dewan Bahasa dan Pustaka	2001	218
2.	<i>Piazza Di Spagna</i>	1) Potret Azalea 2) Bulan Madu Piazza di Spagna 3) Konserto Musim Bunga	3	Galeri Melora	2005	52

3.	<i>Rindu Pala Muda</i>	1) Seri Padma 2) Perarakan Bhima 3) Lagu Perang 4) Lagu Bulan 5) Puan Champa 6) Attar Dari Lembah Mawar 7) Antara Dua Pulau 8) Musim Gugur Pertama 9) Taman-Taman Laut 10) Pugai 11) Sepalit Lengkungan Cahaya 12) Episod Inderajati 13) Seloka Si Tanjung 14) Kau Masih di Laut, Erick? 15) Restu Kuala 16) Intan Kirana 17) Kampung Paya Kami 18) Jurai palma 19) Nyanyian Orang Laut 20) Rindu Pala Muda	20	Dewan Bahasa dan Pustaka	2006	220
<b>JUMLAH CERPEN</b>			<b>41</b>			

Kumpulan cerpen yang dihasilkan oleh Siti Zainon ini banyak memaparkan hubungan akrabnya dengan alam. Oleh hal yang demikian, cerpen-cerpen yang termuat dalam kumpulan cerpen ini bersesuaian untuk menganalisis unsur pohon yang memaparkan mesej yang memberi panduan kepada masyarakat.

Unsur tersebut akan dianalisis menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang mengemukakan tiga prinsip yang menjadi tunjang utama teori Konseptual Kata Kunci. Tiga prinsip yang dimaksudkan ialah kepengaruan, pemilihan kata dan kesan (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005: 77). Prinsip pertama dalam teori Konseptual Kata Kunci adalah kepengaruan yang berhubung dengan diri pengarang (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005:84). Prinsip kedua dalam teori Konseptual Kata Kunci ialah pemilihan kata yang berhubung dengan karya pengarang (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005: 85). Prinsip terakhir dalam teori Konseptual Kata Kunci adalah kesan yang melibatkan pembaca.

Justeru, beberapa dapatan tentang makna pohon telah ditemui di dalam cerpen-cerpen yang dikaji.

### **Pohon sebagai Daya Tarikan**

Golongan penyair, cerpenis ataupun penulis novel menjadikan unsur pohon ini sebagai sumber penting dalam berkarya untuk menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat. Antaranya dapat dilihat menerusi cerpen *Daun Maple Akhir* seperti berikut:

“Di luar rumah Charlotte, jam enam petang, gelap cepat tumbuh pada musim gugur. Tifa meninggalkan halaman, menyusur ke hujung lorong. Dari sana, dia memilih jalan melintang menyusur Wellmann Street. Di kiri-kanan rumah, lampu-lampu

telah menyala. Deretan **pohon maple, lime dan mulberry** telah mempamerkan dahan-dahan meranting.”

(2001: 85)

Cerpen di atas mengutarakan tentang pertukaran waktu siang ke malam yang ditandai dengan ayat “gelap cepat tumbuh pada musim gugur” dan “lampu-lampu telah menyala”. Cerpen ini juga turut menggambarkan perubahan musim iaitu dari musim panas ke musim luruh yang ditandai dengan ayat “dahan-dahan meranting”. Justeru, melihat keadaan ini, Siti Zainon Ismail memperlihatkan fungsi pohon sebagai daya penarik. Hal ini demikian kerana, pohon berupaya mengindahkan kawasan rumah, tepi-tepi jalan dan memberikan kesegaran kepada kawasan di sekitarnya kerana semakin banyak pohon yang ditanam, semakin menyerlahkan keindahan kawasan tersebut. Selain itu, keindahan pohon ini juga mampu memberikan suasana yang segar dan nyaman terutamanya apabila tiba musim bunga dengan warnanya yang pelbagai. Justeru, pohon berupaya menjadikan sesuatu kawasan itu teduh dan redup kerana terlindung dari sinaran cahaya matahari.


Jelaslah bahawa, hal ini memberi satu gambaran bahawa pohon memberikan satu nilai keindahan dalam kehidupan manusia sebagai daya penarik. Bayangkan, jika tiada pohon-pohon ini, sesuatu kawasan akan kelihatan kosong dan tidak mempunyai nilai keindahan pada pandangan mata manusia. Sehubungan dengan itu, hal ini dijelaskan dengan kenyataan yang diberikan oleh Siti Fuziah Yusof yang menyatakan bahawa pokok mulberi ditanam di kebun-kebun pertanian, taman dan di perkaraan rumah sebagai tanaman hiasan dan tanaman ekologikal (2012: 218). Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan petikan ayat al-Quran dalam Surah An-Naml ayat ke-60 yang bermaksud:

“Bukankah Dia (Allah) yang menciptakan langit dan bumi dan yang menurunkan air dari langit untukmu, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu kebun-kebun yang berpemandangan indah? Kamu tidak akan mampu menumbuhkan pohon-pohnnya. Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Sebenarnya mereka adalah orang yang menyimpang (daripada kebenaran).

(2010: 377)

Justeru berdasarkan petikan surah tersebut, hal ini jelas menunjukkan bahawa, pohon-pohon yang dijadikan oleh Allah SWT dengan pelbagai jenis dapat memberikan keindahan yang mutlak dan tidak mampu dilakukan oleh manusia. Oleh hal yang demikian, hal ini sekali gus menjadikan manusia itu menggunakan akal dengan sebaiknya di atas muka bumi ini untuk berfikir tentang nikmat dan kekuasaan yang dimiliki oleh Allah SWT.

Menerusi pinsip pertama iaitu prinsip kepengaruan dalam teori Konseptual Kata Kunci, dapat dilihat bahawa pengutaraan unsur pohon ini dipengaruhi oleh faktor pengembaraan Siti Zainon Ismail di Australia. Hal ini dibuktikan menerusi catatan di akhir cerpen ini iaitu di Wellmann Street, Melbourne pada Mei 1995 (*Kampung Paya Kami*, 1998: 57). Justeru, keadaan pohon-pohon mulberi, lime dan maple yang keguguran daunnya dan menampakkan dahannya yang meranting banyak dilihat oleh Siti Zainon Ismail dan diterapkan dalam cerpennya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi prinsip kedua iaitu pemilihan kata yang menunjukkan kata-kata yang dipilih oleh pengarang untuk menampakkan fungsi pohon itu sebagai daya tarikan seperti rajah 1 berikut:



**Rajah 1: Kata Kunci Pohon sebagai Daya Tarikan**

Berdasarkan kepada pemilihan kata kunci tersebut, jelas membuktikan bahawa konsep pohon bagi pengarang ialah sebagai daya penarik. Oleh hal yang demikian, ia dapat memenuhi prinsip ketiga dalam teori Konseptual Kata Kunci iaitu kesan. Hal ini demikian kerana, dengan adanya pengungkapan ini akan memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca untuk mendapatkan rasa keindahan dan membayangkan suasana serta keadaan di halaman rumah atau taman yang dipenuhi dengan deretan pohon tersebut.

### **Pohon sebagai Sahabat**


Menerusi cerpen yang bertajuk *Seloka Si Tanjung* turut menggambarkan tentang fungsi pohon dalam kehidupan manusia seperti berikut:

“Hingga jatuh malam kala hujan tiba-tiba saja membasahi kampung nelayan, akulah yang berdiri sendiri di bawah **pohon**. Berlindung di bawah daun alam. Tak ada suara. Tanpa cahaya. Aku terlempar lagi ke bumi seantero.”

(2006: 132)

Cerpen tersebut menjelaskan fungsi pohon sebagai tempat perlindungan untuk mengelakkan diri daripada kebasahan akibat hujan. Walaupun pada hakikatnya watak akan basah, namun begitu, dengan adanya pohon mampu mengurangkan kebasahan dan kesejukan yang dialami oleh watak. Justeru, dapat difahami bahawa dengan adanya daun-daun di setiap ranting pohon, ia berfungsi sebagai payung sementara kepada manusia. Oleh hal yang demikian, pohon sangat berguna sebagai tempat perlindungan daripada apa-apa keadaan sama ada hujan maupun panas. Melihat keadaan dan peristiwa ini, Siti Zainon Ismail membawa maksud tersirat di sebalik pengungkapan unsur pohon sebagai perlindungan. Pengarang mengetengahkan tentang kesepian, kesayuan dan kesedihan yang dialami oleh watak dan menjadikan pohon sebagai sahabat untuk meluahkan segala kesepiannya. Hal ini ditandai dengan kata “sendiri” yang membawa maksud watak berseorangan tanpa ada sesiapa di sisinya. Menurut artikel dalam *Kompasiana* menyatakan bahawa jika kita mampu bersahabat dan berdamai dengan lingkungan dan alam semesta, maka alam semesta ini akan melayani kita sebagai sahabat karib (2010). Oleh hal yang demikian, ia menunjukkan bahawa watak mempunyai masalah dalam hidup dan mencari tempat untuk bersendirian yang mampu memberikan ketenangan pada jiwanya. Justeru, dapat dilihat bahawa selain berfungsi sebagai tempat perlindungan, pengarang turut memperlihatkan fungsi pohon sebagai sahabat atau teman kepada watak yang berada dalam kesepian.

Pengungkapan unsur pohon sebagai tempat berlindung dalam petikan tersebut selari dengan prinsip pertama iaitu kepengaruan dalam teori Konseptual Kata Kunci yang dipengaruhi oleh faktor pengembaraan, pengalaman serta latar belakang pendidikan. Hal ini demikian kerana, Siti Zainon Ismail telah melanjutkan pendidikan dalam bidang seni lukis di Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI) Yogyakarta dari tahun 1970-1974 (*A Journey into the World of Art*, 1996: 10). Beliau menganggap ‘Yogyakarta’ merupakan kampung halamannya yang kedua memandangkan beliau sudah lama menetap di Yogja (*Witir Sela Merapi*, 200: viii). Oleh hal yang demikian, sepanjang berada di Indonesia, Siti Zainon Ismail menggambarkan keadaan ini menerusi pengalaman pahit getir sepanjang pengajiannya. Hal ini dijelaskan ketika beliau menghadapi masalah kekurangan duit, meredah hujan, panas, malam untuk melukis dan mencari duit untuk pembiayaan pengajiannya di ASRI. Sehubungan dengan itu, Siti Zainon Ismail turut bersedih mengenang pengorbanan ibunya di kampung untuk membayai pengajiannya (*Kembara Seni Siti*, 1997: 6). Justeru, dengan keadaan inilah pohon diungkapkan sebagai sahabat untuk mentafsirkan keadaan jiwa, cabaran dan perasaannya sewaktu perjalananannya di Indonesia dan hal ini dapat dilihat menerusi prinsip kedua iaitu pemilihan kata seperti rajah 2 berikut:



**Rajah 2: Kata Kunci Pohon sebagai Sahabat**

Berdasarkan kepada pemilihan kata kunci tersebut, jelas bahawa konsep pohon bagi pengarang ialah sebagai sahabat. Justeru, pengungkapan unsur ini telah memberi kesan kepada pembaca untuk membawa pembaca merasai segala kesusahan hidup yang dialami oleh watak apabila berada di negara orang. Selain itu, pengarang perlu berdikari serta berusaha sehabis baik untuk menjalani kehidupan yang penuh mencabar. Sehubungan dengan itu juga, pembaca mendapat satu iktibar bahawa makhluk lain juga mampu menjadi sahabat manusia untuk memberi ketenangan dan keselesaan.

### Pohon sebagai Sumber Terapi


Menerusi cerpen lain misalnya, iaitu *Pugai*, dapat dilihat pengarang menggunakan unsur pohon sebagai sumber terapi atau ketenangan seperti petikan berikut:

“Dia masih di bawah **pohon kemboja tua** yang merimbun menghadap ke arah bawah bukit. Dia membiarkan hidangan teh petang. Pak Ito, meningatkan beberapa kali, “Teh sejuk tidak sedap diminum!” Biarkan saja. Biarkan.”

(2006: 89)

Cerpen di atas memperlihatkan tentang watak yang duduk di bawah pohon kemboja tua dalam tempoh yang agak lama sambil matanya melihat ke arah bawah bukit. Hal ini dapat ditandai dengan kata “masih” yang membawa maksud lama. Justeru, pengarang menjelaskan tentang watak sedang memikirkan sesuatu peristiwa yang berupaya membawa dirinya dalam keadaan yang tidak tenang. Selain itu, pemandangan di bawah bukit juga dapat difahami bahawa watak melihat tentang masalah-masalah yang pernah dialami sehingga membawa dirinya jauh dari tempat asalnya. Justeru, watak memilih tempat yang paling sesuai untuk dirinya kembali mengenangkan segala masalah-masalah silam yang pernah berlaku, iaitu di bawah pohon yang mampu memberikan ketenangan kepada dirinya. Hal ini demikian kerana, di bawah pohon terutamanya yang berada di tepi sungai, bukit, gunung, pantai dan sebagainya akan memberi satu suasana yang tenang dan nyaman. Justeru, sekali gus dapat menenangkan dan mententeramkan jiwa yang berada di dalam kesedihan, kekecewaan dan sebagainya. Menurut Haliza Abdul Rahman (2019) menyatakan bahawa alam sekitar semula jadi menawarkan banyak kesan positif kepada kesihatan dan kesejahteraan mental manusia. Melalui persekitaran semula jadi, ia dapat membantu mengurangkan tekanan, meningkatkan perhatian, menggalakkan kreativiti serta meningkatkan harga diri seseorang individu. Oleh hal yang demikian, pohon boleh dikatakan sebagai sumber terapi yang baik untuk mengubati perasaan dalaman yang dialami oleh seseorang.

Berdasarkan kepada prinsip kepengaruan dalam teori Konseptual Kata Kunci, pengutaraan unsur pohon sebagai sumber terapi dipengaruhi oleh faktor pengembaraan. Sepanjang tempoh pengembaraan, banyak pengalaman yang dikutip, dikumpul dan dicatat semasa mengembara untuk mencari pemandangan yang indah dan dilakarkan di dalam sketsa, cerpen dan puisinya. Justeru, di dalam perjalanan tersebut Siti Zainon Ismail telah melihat pemandangan yang menarik terutamanya apabila berada di atas bukit dan gunung untuk melukis. Oleh hal yang demikian, bersandarkan kepada prinsip kedua iaitu pemilihan kata, rajah 3 berikut telah menunjukkan kata-kata yang dipilih oleh Siti Zainon Ismail iaitu:



**Rajah 3: Kata Kunci Pohon Sebagai Sumber Terapi**

Pemilihan kata kunci tersebut telah membuktikan bahawa konsep pohon bagi pengarang ialah sebagai sumber terapi. Sehubungan dengan itu, hal ini sekali gus memberi kesan positif kepada pembaca supaya bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kerana mempunyai banyak faedah kepada manusia. Oleh hal yang demikian, hal ini dapat menjadikan pembaca sebagai manusia yang prihatin terhadap alam sekitar dan tahu menjaganya dengan

baik. Akhirnya, sikap ini berupaya memberikan pemandangan yang indah dan merasakan kekuasaan Allah SWT menciptakan sesuatu untuk manusia renung sedalam-dalamnya.

### Pohon sebagai Sumber Rezeki

Di samping itu, kekuasaan Allah SWT seterusnya dapat dilihat menerusi cerpen *Kampung Paya Kami* seperti petikan berikut:

**“Pohon jambu air** yang bertongkol-tongkol di perdu dan tengah batang memudahkan kami memanjat dan memetik buah-buahnya yang merah menyala.”


(2001:89)

Pohon-pohon yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia dan kehidupan yang lain mempunyai banyak kegunaan dan manfaatnya. Selain berfungsi sebagai sumber terapi, pohon memberi rezeki kepada manusia dengan mengeluarkan hasilnya iaitu buah. Setiap pohon yang ditanam, akan mengeluarkan buah. Namun begitu, ada buah boleh dimakan oleh manusia dan ada buah yang boleh dimakan oleh haiwan. Secara tidak langsung, rezeki yang Allah SWT berikan di atas dunia ini adalah milik semua makhluk-Nya. Sifat pemurah Allah SWT dalam memberikan rezeki buah-buahan dan makanan lain kepada hamba-Nya yang berimandi dunia turut dilimpahkan untuk dinikmati di syurga (Khairuddin Kamaruddin, 2022). Berdasarkan kepada petikan, pohon jambu air merupakan pohon yang agak unik kerana pohon ini mengeluarkan buah di perdu dan di tengah batangnya. Oleh hal yang demikian, ianya akan memudahkan proses untuk mengambil buah-buah dari pohon ini. Hal ini juga dapat dijelaskan dalam petikan ayat al-Quran yang menjelaskan pohon sebagai tempat berteduh dan pohon akan mengeluarkan buah untuk manusia iaitu di dalam surah al-Insan ayat 14 yang bermaksud:

“Dan naungan (pepohon)nya dekat kepada mereka dan dimudahkan semudah-mudahnya untuk memetik (buah)nya.”

(2010: 579)

Petikan ayat al-Quran tersebut menjelaskan bahawa Allah Maha Penyayang kerana memberikan manusia rezeki yang melimpah ruah. Berdasarkan prinsip kepengaruan dalam teori Konseptual Kata Kunci jelas menunjukkan bahawa pengutaraan unsur pohon sebagai sumber rezeki dipengaruhi oleh latar belakang keluarga. Hal ini demikian kerana, Siti Zainon Ismail berasal dari kampung Banda Dalam di Batu 4 ¼ Jalan Gombak yang berhampiran dengan kampung-kampung lain seperti Kampung Chubadak, Kampung Padang Balang, Kampung Puah dan Kampung Kuantan. Oleh itu, di kawasan kampung, banyak pokok-pokok dan buah-buahan yang ditanam oleh penduduk kampung kerana banyak kawasan lapang termasuklah datuknya yang memiliki kebun buah-buahan (*Rumah Waris Uwan*, 2013: 79). Oleh hal yang demikian, Siti Zainon Ismail dapat memperihalkan keadaan itu di dalam cerpennya. Hal ini jelas dilihat menerusi prinsip kedua iaitu pemilihan kata seperti dalam rajah 4 berikut:



**Rajah 4: Kata Kunci Pohon Sebagai Sumber Rezeki**

Berdasarkan kepada pemilihan kata kunci tersebut, jelas menunjukkan bahawa konsep pohon bagi pengarang ialah sebagai sumber rezeki. Sehubungan dengan itu, hal ini selaras dengan prinsip ketiga iaitu kesan kerana dapat memberi gambaran kepada pembaca tentang kekuasaan Allah SWT menciptakan pohon jambu air dengan keunikannya tersendiri dan buahnya yang lebat dan senang untuk memetiknya. Justeru, pembaca sekali gus merasakan kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya sangat besar kerana memberikan nikmat yang sangat luas dan tugas manusia di muka bumi hanyalah berusaha untuk mendapatkan nikmat tersebut.

#### **Pohon sebagai Panduan dan Pengajaran kepada Manusia.**

Pada pandangan mata hati Siti Zainon Ismail, pohon dianggap sebagai satu elemen hidup yang boleh dijadikan pengajaran dan panduan kepada kehidupan manusia. Hal ini dimuatkan oleh Siti Zainon Ismail dalam cerpen yang bertajuk *Kasih Kaca Warna* seperti dalam petikan berikut iaitu:


“Hampir dua tahun, setelah melupakan hari-hari yang kerap ditunggu oleh pasangan kekasih, maka diterima seadanya hidup sehari-hari. Kembali menjalani hidup sendirian. Dia pun kembali belajar daripada **pohonan** rimbun di halamah rumah. **Pohon bidara** telah berkali-kali bertukar daun.”

(2001: 165)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa, Siti Zainon Ismail menceritakan watak “dia” yang mempunyai masalah dalam perhubungan cintanya. Namun begitu, watak “dia” mulai sedar bahawasanya yang patah akan tumbuh yang hilang akan berganti. Didapati bahawa watak “dia” cuba belajar daripada pohon bidara yang sentiasa bertukar daun apabila daun lamanya gugur atau kering dan bercambah pucuk baru sehingga menjadi daun baru yang lebih cantik. Keadaan ini dapat disamakan dengan hubungan manusia dengan manusia terutamanya dalam hubungan cinta. Hal ini demikian kerana, apabila manusia kehilangan seseorang, Allah SWT akan menggantikan dengan lebih baik kerana setiap yang berlaku ada hikmahnya dan hanya Allah Maha Mengetahui yang terbaik untuk hamba-Nya. Begitulah kehidupan manusia yang diuji oleh Allah SWT dengan segala ujian yang tidak dapat dielak supaya ujian tersebut mampu menjadikan manusia sebagai hamba yang tabah, sabar dan sentiasa mengingati-Nya. Manusia diuji dengan pelbagai jenis ujian. Menerusi artikel dalam Dewan Tamadun Islam menyatakan setiap perkara yang berlaku merupakan ketentuan Ilahi yang berada di luar daya upaya manusia untuk menolaknya. Manusia hendaklah tidak terlalu cepat kecewa malah hendaklah meningkatkan takwa, memohon ihsan daripada Allah yang Maha Mengetahui sebab musabab sesuatu bencana dan berusaha menyelami sedalam-dalamnya

untuk menemui apa-apa juga hikmah yang tersirat di sebalik kejadian (2023). Walau bagaimanapun, Allah SWT akan memberikan ganjaran yang paling baik untuk manusia yang sentiasa bersabar. Justeru, dalam hal ini Siti Zainon Ismail telah menjadikan pohon sebagai panduan dalam kehidupan manusia.

Pengungkapan unsur tersebut selari dengan prinsip pertama iaitu kepengaruhannya dalam teori Konseptual Kata Kunci yang dipengaruhi oleh faktor diri pengarang sebagai seorang perempuan yang mempunyai pengalaman dalam hidupnya. Hal ini demikian kerana, Siti Zainon Ismail telah banyak merasakan kisah duka, suka di dalam melayari kehidupan yang dibina khususnya di dalam hubungan percintaan dan perkahwinan. Selain itu, sifatnya yang suka menjadikan alam sebagai sahabat membolehkan Siti Zainon Ismail melihat proses kehidupan pohon yang bercambah, berputik, berbunga dan berbuah, berpucuk kembali, gugur dan berpucuk lagi. Bagi Siti Zainon Ismail pohon bidara ini tidak pernah berputus asa untuk sentiasa subur dalam meneruskan kehidupannya di atas muka bumi ini. Sehubungan dengan itu, pengungkapan unsur pohon sebagai panduan atau pengajaran kepada kehidupan manusia dapat dijelaskan lagi menerusi prinsip kedua iaitu pemilihan kata-kata seperti dalam rajah 5 berikut:



**Rajah 5: Kata Kunci Pohon Sebagai Panduan/Pengajaran dalam Kehidupan Manusia**

Pemilihan kata kunci tersebut membuktikan bahawa konsep pohon bagi pengarang ialah sebagai panduan atau pengajaran dalam kehidupan manusia. Justeru, ia memberi kesan kepada pembaca supaya lebih bersemangat dan tidak akan putus asa serta sentiasa sabar menghadapai apa jua yang diuji oleh Allah SWT. Hal ini dijelaskan lagi menerusi surah al-Qasas ayat 80 iaitu:

“kecelakaan yang besarlah bagimu. Pahala Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan tidak diperoleh pula pahala itu kecuali orang-orang yang sabar.

(2024: 395)

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, melalui cerpen yang dikaji iaitu *Daun Maple Akhir, Seloka Si Tanjung, Pugai, Kampung Paya Kami* dan *Kasih Kaca Warna* membuktikan bahawa unsur-unsur alam yang diungkapkan oleh Siti Zainon Ismail mengandungi mesej, ilmu, pemikiran, teladan, pengajaran, nilai, sikap dan pemikiran sesuatu masyarakat untuk dijadikan sebagai iktibar dan

panduan kepada khalayak pembaca untuk terus mengingati Allah SWT. Kajian ini juga berupaya mendekatkan khalayak pembaca dengan pengarang menerusi pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci yang dijana oleh Mohamad Mokhtar Hassan.

## Rujukan

- Al-Quran Al-Karim. *Bertajwid dan Terjemahan Beserta Ensiklopedia Al-Quran*. Yayasan Restu: Selangor, 2024.
- Flora dan Fauna dalam Al-Qur'an dan Al-Hadis, dalam Hussain Othman & Rosman Md. Yusoff (peny.), *Pendayaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat* (57-80). Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Khairuddin Kamaruddin. *Merenung Alam Menghayati Keagungan Pencipta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022.
- Haliza Abdul Rahman. (2019). Alam Sekitar Sebagai Terapi Alternatif Kesihatan Mental. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 3, 39–46.
- <https://dewantamadunislam.jendeladb.my/2023/02/17/5160/>. Bencana Alam: Menyelami Hikmah, Mengambil pengajaran. Diakses pada 21 Mei 2025.
- <https://www.kompasiana.com/hasrulhoesein/550029a9813311501afa7237/bersahabat-dengan-alam-semesta>. Bersahabat dengan Alam Semesta. Diakses pada 21 Mei 2025.
- Mohamad Mokhtar Hassan. *Teori Konseptual Kata Kunci*. Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Mikdar, R., S. Anuar, N., A. Shakor, B., Hussain, O., Halimi, M., M. Hisyam, A., (2017).
- Rasm Uthmani. *Terjemahan Bahasa Melayu Al Qur'an Al Karim*. Selangor: Al Hidayah House of Quran Sdn. Bhd., 2010.
- Rosifah Mat Isa. "Perlambangan Alam Dalam Kumpulan Puisi Pelabuhan Putih Karya Kemala". *Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2005.
- Sammio Salleh. "Siti Zainon Ismail: Antara Keindahan Alam dan Kesuraman Malam" dalam *Kembara Seni Siti*. Selangor: Galeri Melora, 1997.
- Siti Fuziah Yusof. *Ulamah di Sekeliling Anda*. Selangor: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd., 2012.
- Siti Zainon Ismail. *Jurai Palma*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Siti Zainon Ismail. *Kampung Paya Kami*. Selangor: Galeri Melora, 1998.
- Siti Zainon Ismail. *Rindu Pala Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Siti Zainon Ismail. *Kembara Seni Siti*. Selangor: Galeri Melora, 1997.
- Zaini Ujang dan Zulkifli Mohd Yusoff. *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2020.
- Zurinah Hassan. "Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu". *Tesis Doktor Falsafah*. Kuala Lumpur